


## SEBELUM MENUNAIKAN HAJI

- Niat ikhlas kerana Allah SWT
- Mempersiapkan diri dengan ilmu manasik haji dan wang secukupnya dari sumber yang halal dan mengeluarkan zakat
- Melakukan Rukun Islam dengan sempurna

## SEMASA MENUNAIKAN HAJI



- Menyempurnakan rukun dan wajib haji dengan betul
- Membayar dam yang berkaitan dan tinggal larangan ihram
- Tidak melakukan sifat mazmumah, keji fusuq, jidal, rafath

## SELEPAS MENUNAIKAN HAJI

- Menjauhkan diri daripada dosa dan perkara mungkar
- Membanyakkan amal soleh untuk meningkatkan iman dan ketakwaan
- Memperbaiki diri ke arah yang lebih sempurna daripada segi akhlak dan kelakuan secara berterusan

## RUKUN HAJI

Rukun Haji ialah pekerjaan yang mesti dilakukan oleh jemaah haji ketika mengerjakan haji. Jika tidak ditunaikan, haji seseorang tidak sah/tidak sempurna/ tergantung dan masih tertakluk dengan larangan ihram

01 NIAT IHRAM HAJI

04 WUKUF

07 BERGUNTING / BERCUKUR

10 TAWAF

11 SA'IE

12 TERTIB PADA  
KEBANYAKAN RUKUN

## WAJIB HAJI

Wajib Haji ialah pekerjaan yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji. Jika tidak mengerjakan salah satu daripadanya haji tersebut tetap sah tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya dan menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja

02 NIAT DI MIQAT

03 LARANGAN IHRAM


05 BERMALAM (MABIT)  
DI MUZDALIFAH

06 MELONTAR JAMRAH KUBRA  
PADA 10 ZULHIJJAH

08 BERMALAM (MABIT)DI MINA  
11, 12, 13 ZULHIJJAH

09 MELONTAR KETIGA-TIGA  
JAMRAH PADA 11, 12, 13  
ZULHIJJAH

## CARA MENGERJAKAN UMRAH




## TAWAF

Pengertian : Mengelilingi Kaabah dengan syarat-syaratnya



### JENIS-JENIS TAWAF



### SYARAT SAH TAWAF

- 1 Suci daripada hadas
- 2 Suci badan / pakaian / tempat tawaf daripada najis
- 3 Bermula pada sudut Hajarul Aswad dan berniat tawaf jika Tawaf Wada' / Sunat / Nazar
- 4 Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan
- 5 Mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh (7) kali dengan yakin
- 6 Berjalan bertujuan tawaf
- 7 Dilakukan dalam Masjidil Haram dan di luar dari Hijir Ismail / Syazarwan

### SUNAT-SUNAT TAWAF

- 1 Berjalan kaki
- 2 Beridtiba' bagi tawaf diiringi dengan sa'ie (lelaki)
- 3 Melakukan Ramal (berlari anak) bagi tawaf yang diiringi dengan Sa'ie (lelaki) tiga (3) pusingan pertama
- 4 Istilam Hajarul Aswad dan mencupnya / Istilam Rukun Yamani dan tidak mencupnya
- 5 Membaca zikir dan doa
- 6 Berturut-turut tujuh (7) kali pusingan
- 7 Tawaf dengan khushyuk dan tawadhuq
- 8 Solat sunat tawaf

8 Zulhijjah

BIL	PERKARA	HUKUM	✓
1	Mandi sunat ihram	Sunat	
2	Memakai pakaian ihram	Wajib	
3	Sembahyang sunat ihram (Makkah)	Sunat	
4	Berniat ihram haji	Rukun	
5	Bertalbiah	Sunat	
6	Menjaga larangan ihram	Wajib	

9 Zulhijjah

BIL	PERKARA	HUKUM	✓
1	Wukuf di Arafah	Rukun	
2	Khutbah Arafah	Sunat	
3	Solat Zohor	Wajib	

Dimana-mana  
sebelum berniat

Di Miqat

Selepas niat  
sehingga bergunting

Selepas niat sehingga  
mula tawaf

Di Mas'a

Di Marwah/  
di mana-mana

			
Memakai pakaian bersarung atau berjahit dan bercantum	×		
Menutup kepala atau sebahagian daripadanya	×		
Menutup muka			×
Memakai sarung tangan			×
Memakai bau-bauan sama ada dibadan, pakaian, makanan dan minuman atau menghidunya ke dalam hidung			×
Memakai minyak di kepala atau janggut dan selain daripada yang tumbuh di pipi dan dahi			×
Menanggalkan rambut atau bulu			×
Mengerat atau memotong kuku			×
Menebang / memotong / mencabut pokok-pokok di Tanah Haram			×
Memburu binatang buruan			×
Berkahwin / mengahwinkan / menerima wakil kahwin			×
Melakukan pendahuluan persetubuhan			×
Melakukan persetubuhan			×

4	Doa Arafah	Sunat	
5	Banyakkan amalan sunat	Sunat	

10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah

BIL	PERKARA	HUKUM	✓
1	Mabit di Muzdalifah (Selepas separuh malam)	Wajib	
2	Mengutip 7 biji anak batu di (Mudzalifah)	Sunat	
3	Melontar al-Jamrah al-Kubra (10 Zulhijjah)	Wajib	
4	Bercukur/bergunting (Tahallul Awwal)	Rukun	
5	Mabit di Mina (11 Zulhijjah)	Wajib	
6	Melontar tiga jamrah 11 Zulhijjah	Wajib	
7	Mabit di Mina 12 Zulhijjah	Wajib	
8	Melontar tiga jamrah 12 Zulhijjah (Nafar Awwal)	Wajib	
9	Mabit di Mina 13 Zulhijjah	Wajib	
10	Melontar tiga jamrah 13 Zulhijjah (Nafar Thani)	Wajib	
11	Tawaf Haji	Rukun	
12	Sa'ie Haji (Tahallul Thani)	Rukun	